

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI  
[ TENOM ]**

**NO. SOALAN : 148**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan keperluan lebih banyak Karnival Usahawan Desa (KUD) di negeri Sabah sebagai usaha membantu usahawan memasarkan produk dan perkhidmatan mereka secara meluas dan berapa jumlah jaringan perniagaan yang diwujudkan sejak diperkenalkan KUD sejak 2006.

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, Karnival Usahawan Desa (KUD) merupakan salah satu program pemasaran di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk memartabatkan produk dan perkhidmatan usahawan-usahawan luar bandar melalui perluasan kepada akses pasaran serta peningkatan aktiviti pemasaran.

Mini KUD pula adalah inisiatif KKLW dalam mengetengahkan usahawan luar bandar mengikut zon sebelum diadakan KUD di peringkat kebangsaan yang dianjurkan secara dwi-tahunan. Pada tahun 2014, mini KUD Zon Sabah pertama kali telah diadakan pada pada 16 – 19 Oktober 2014 di Lintasan Diasoka, Gaya Street Kota Kinabalu. Mini KUD Zon Sabah yang diadakan selama 4 hari di sertai oleh 92 orang usahawan luar bandar Sabah. Hasil jualan yang dicatatkan sepanjang 4 hari penganjuran adalah sebanyak RM 520,000 melebihi sasaran awal RM 400,000. Mini KUD Zon Sabah ini dianjurkan demi mengenangkan usahawan tempatan Sabah yang terdiri daripada pelbagai latar belakang perniagaan.

Sebanyak 6 kali KUD telah dilaksanakan bermula dari tahun 2006 dengan jumlah jaringan perniagaan sebanyak 16,125 jaringan. Terdapat peningkatan jumlah jaringan pada setiap kali pengajuran KUD dengan 90 jaringan perniagaan pada KUD 2006 diikuti dengan 749 jaringan perniagaan pada tahun 2008. Seterusnya pada KUD 2010, sebanyak 1560 jaringan perniagaan telah dicatatkan dan sebanyak 1,123 jaringan perniagaan pada KUD 2011. Pada KUD 2013 pula, sebanyak 1,415 jaringan perniagaan yang direkodkan dan pada KUD 2015, sebanyak 11,189 jaringan perniagaan yang berjaya diwujudkan.

Kesimpulannya, sambutan terhadap pengajuran KUD adalah meningkat dengan ketara semenjak dimulakan pada tahun 2006. Program KUD ini terbukti membantu usahawan bagi membantu memasarkan produk/perkhidmatan mereka secara lebih meluas khususnya kepada pengguna di bandar serta memperluaskan jaringan perniagaan mereka. Program ini turut menyumbang kepada peningkatan potensi perniagaan produk/perkhidmatan luar bandar dan memberi peluang kepada pembangunan usahawan muda

melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan semasa KUD berlangsung.